

Daripada : Unit Peperiksaan & Penerbitan
Kepada : Pelajar UiTM Cawangan Pulau Pinang
Tarikh : 24 Jun 2025
No. Memo : HEA/2025 – 004(09)
Perkara : Pelajar Berkeperluan Khas Bagi Peperiksaan Akhir Julai 2025

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera.

Merujuk kepada Kalendar Akademik Sesi II 2024/2025 bagi Program Pra-Diploma, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran bertarikh 17 April 2025 yang dikeluarkan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA), UiTM Shah Alam, dimaklumkan bahawa tarikh Peperiksaan Akhir Julai 2025 mulai dari 21 Julai hingga 10 Ogos 2025.

Selaras dengan Manual Peperiksaan Akhir UiTM Tahun 2012, pelajar berkeperluan khas (sama ada pemegang Kad OKU atau mempunyai masalah kesihatan yang menjejaskan keupayaan menjawab peperiksaan bertulis) adalah layak memohon kemudahan khas, seperti tambahan masa atau penggunaan komputer riba semasa peperiksaan.

Sehubungan itu, pelajar yang berkenaan dikehendaki mengambil tindakan seperti berikut:

1. Lengkapkan Borang Permohonan Pelajar Berkeperluan Khas (UiTMPP/HEA/UPep./16) dan lampirkan salinan Kad OKU/ Surat Pengesahan Doktor/ Laporan Perubatan/ Dokumen sokongan lain yang relevan.
2. Dapatkan pengesahan daripada Penasihat Akademik masing-masing.
3. Hantar borang yang telah lengkap diisi ke Bahagian Hal Ehwal Akademik **selewat – lewatnya pada 4 Julai 2025 sebelum jam 12.00 tengah hari**. Permohonan lewat daripada tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada pelajar melalui emel rasmi pelajar sebelum peperiksaan bermula.
4. Pelajar yang terlibat dalam kemalangan atau mengalami kecederaan selepas tarikh tutup permohonan dan disahkan memerlukan kemudahan khas, diminta segera memaklumkan kepada Unit Peperiksaan dan Penerbitan untuk tindakan lanjut.

Dimaklumkan bahawa permohonan yang dikemukakan pada hari peperiksaan tidak akan dipertimbangkan sama sekali. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan terus kepada Unit Peperiksaan & Penerbitan melalui talian 04-382 3193 atau emel kepada resexam@uitm.edu.my.

Sekian.



PROF. MADYA Ir. Ts. Dr. HAJAH SITI NORAINI SULAIMAN
Timbalan Rektor (Hal Ehwal Akademik)

MUKA SURAT 1/1

BORANG PERMOHONAN PELAJAR BERKEPERLUAN KHAS PEPERIKSAAN



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh
Kampus Bertam



Peperiksaan : _____

Nama Pelajar : _____

No. Pelajar : _____ No. Telefon : _____

Kod Program : _____ Semester : _____

Keperluan (Tandakan /) : ☐ Masa Tambahan ☐ Komputer Riba

Kategori Pelajar (Tandakan /) : ☐ OKU (Kategori : _____)
(No. Kad Oku: _____)

☐ Kemalangan
(Keadaan Semasa: _____)

☐ Masalah Kesihatan
(Nyatakan masalah Kesihatan: _____)

(Sila lampirkan Salinan Kad OKU/ Pengesahan Doktor/ Laporan Perubatan/ dokumen berkaitan)

Saya seperti nama di atas dengan sedar dan tanpa paksaan dari mana-mana pihak menyedari maklumat yang diberikan ini adalah benar. Saya faham jika maklumat yang diberikan adalah palsu, saya boleh disabitkan dibawah Akta Institusi – Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 (Akta 174).

Yang benar,

Tarikh:

PENGESAHAN PENASIHAT AKADEMIK

Saya _____, (No. Pekerja : _____)
merupakan Penasihat Akademik kepada pemohon ini mengesahkan kategori dan keadaan semasa pelajar serta keperluan bagi menduduki peperiksaan seperti yang dinyatakan.

Yang benar,

Tarikh:

UNTUK KEGUNAAN BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK

Keputusan Permohonan : **LAYAK / TIDAK LAYAK**

Catatan : _____

Tandatangan Penolong Pendaftar:

Tarikh :